

# JENIS PEKERJAAN DAN KADAR UPAH DALAM KALANGAN ORANG INDIA DI SELANGOR SEBELUM PERANG DUNIA KEDUA: SATU PENELITIAN AWAL

Jaya Gannesan Sela Sundram  
Azharudin Mohamed Dali

## Abstrak

Kehadiran British telah membawa impak yang ketara dari segi politik, ekonomi dan sosial di Tanah Melayu. Pengenal ekonomi komersial terutamanya berkaitan getah dan bijih timah di Tanah Melayu telah menggalakkan kemasukan orang India dan Cina ke negeri-negeri Tanah Melayu. Bagi orang India, ramai daripada mereka telah dijadikan sebagai buruh di ladang-ladang getah. Sebahagian pula terlibat dalam pelbagai sektor ekonomi termasuk di dalam perkhidmatan awam. Antara negeri yang menjadi tumpuan orang India di Tanah Melayu ialah Selangor yang sememangnya sedang berkembang pesat dalam era awal abad ke-20 hingga era sebelum Perang Dunia Kedua. Perbincangan artikel ini cuba menjawab persoalan mengenai penglibatan orang India dalam kegiatan ekonomi di Selangor. Apakah jenis-jenis pekerjaan yang dilakukan oleh mereka dan bagaimanakah kadar upah yang mereka terima. Sebagai sebuah kajian sejarah, penulisan ini dilakukan dengan menggunakan pelbagai sumber sama ada sumber pertama atau kedua. Sumber pertama seperti *Annual Report of The Labour Department*, Malaya: Malayan Statistics, Federated Malay States Annual Report of Education Department, Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan *Selangor Government Gazette* serta sumber kedua seperti buku, Latihan Ilmiah dan kertas kerja. Penulisan ini dilihat amat signifikan untuk mengisi kekosongan tentang sejarah masyarakat India di Selangor dari segi ekonomi. Aspek ini masih dilihat sebagai salah satu aspek yang kurang diberikan penekanan. Hasil daripada kajian ini didapati bahawa penglibatan masyarakat India dalam kegiatan ekonomi di Selangor telah membawa satu perubahan ketara dalam perkembangan ekonomi serta memberikan sumbangan yang sangat penting dalam pembangunan negeri Selangor sejak zaman pra-merdeka.

**Kata Kunci:** Sejarah Selangor, Buruh India, Ladang, Sektor Awam.

---

\* Jaya Gannesan Sela Sundram merupakan pelajar Sarjana di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya dan menjalankan kajian mengenai sejarah masyarakat India di Selangor sebelum merdeka. Email: jayagannesanselasundram@gmail.com.

\*\* Azharudin Mohamed Dali ialah Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya. Email: azharud@um.edu.my

## Pengenalan

Pensejarahan masyarakat India di negeri Selangor mula berkembang pada zaman pemerintahan British. Perluasan kuasa pihak British ke atas Tanah Melayu telah membawa perubahan yang ketara dalam struktur pentadbiran dan ekonomi. Dari segi pentadbiran, Tanah Melayu telah dipecahkan kepada beberapa unit seperti Negeri-negeri Selat, Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-negeri Melayu yang tidak Bersekutu.<sup>1</sup> Dari segi ekonomi, pihak British memperkenalkan sektor ekonomi komersial seperti kopi, getah, kelapa sawit dan sebagainya. Demi membangunkan sektor ekonomi komersial ini, Mereka amat memerlukan tenaga buruh untuk bekerja di dalam sektor ini. Sektor-sektor komersial ini kurang mendapat sambutan daripada penduduk tempatan kerana mereka lebih berminat untuk hidup secara kolektif serta mengamalkan ekonomi yang telah sebatik dalam kehidupan mereka terutamanya penanaman padi. Oleh itu, pada kurun ke-19, pihak British telah menggalakkan penghijrahan imigran secara besar-besaran iaitu proses kemasukan golongan imigran ke Tanah Melayu. Dalam proses ini, Salah satu etnik daripada golongan imigran yang terlibat adalah masyarakat India.<sup>2</sup> Istilah “kelas pekerja India” sering mengingatkan buruh-buruh India yang bekerja di dalam persekitaran ladang. Hal ini kerana, sejarah kaum India di Tanah Melayu mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan sejarah ekonomi perladangan. Sebilangan besar daripada buruh-buruh India di Tanah Melayu telah bekerja di ladang kopi dan getah. Tempoh antara 1880-an hingga 1941 memperlihatkan kedatangan ramai buruh India ke Tanah Melayu amnya dan ke Selangor khasnya demi mengisi kekosongan sebagai pekerja dalam sektor perladangan. Dalam tempoh itu, orang India menjadi golongan yang dominan di ladang dengan mewakili lebih daripada 70 peratus daripada jumlah penduduk ladang. Di samping itu, buruh India turut memainkan peranan yang sangat penting dalam perkhidmatan kerajaan khususnya di kawasan bandar<sup>3</sup> serta turut terserap ke dalam pelbagai jenis pekerjaan termasuk di dalam sektor perkhidmatan awam. Secara keseluruhannya, perbincangan di dalam artikel ini akan dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama membincangkan mengenai pelbagai jenis pekerjaan yang memperlihatkan pelibatan kalangan orang India di Selangor. Perbincangan melihat kepada dua kategori pekerjaan yang memperlihatkan penglibatan orang India yang ketara iaitu sebagai buruh ladang dan buruh dalam pelbagai perkhidmatan kerajaan. Selain itu, sebilangan orang India yang berpendidikan pula terserap di dalam sektor pekerjaan dalam perkhidmatan awam termasuk dalam bidang perkeranian dan pendidikan. Di bahagian kedua pula, perbincangan melihat kepada kadar upah yang diterima oleh kalangan orang India dalam pelbagai jenis pekerjaan di Selangor.

- 
- 1 Joginder Singh Jersey, *History of Malaya: 1400-1959*, Penang: United Publishers & Penisular Publications, 1974, hlm. 243, 257 & 268.
  - 2 Roslina Yunus, Azlizan Mat Enh, Zubaidah VP Hamzah, Mohamad Rodzi Razak, “Pengaruh Ekonomi British di Tanah Melayu: Penglibatan Imigran India Dalam Sektor Buruh di Malaya (1900-1957)” dlm. *Proceedings The 6th International Conference on Social Sciences and Humanities*, Dewan Perdana Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 4-6 April 2017, hlm. 654.
  - 3 K.S. Susan Oorjitham, “Urban Working – Class Indians in Malaysia” dlm. K.S. Sindhu & A. Mani (pnyt.), *Indian Communities in Southeast Asia*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1993, hlm 505.

## Kemasukan Masyarakat India di Selangor

Ketibaan masyarakat India ke Selangor telah pun dicatatkan sejak abad ke -15 dalam *Sejarah Melayu* namun secara rasminya kehadiran mereka telah direkodkan di Selangor pada sekitar tahun 1880-an. Pihak British telah pun meluaskan kuasa mereka di negeri Selangor. Adalah jelas, sebelum Perjanjian Pangkor 1874 terdapat peraturan mengenai imigran yang tidak membenarkan kemasukan buruh-buruh India ke Negeri-negeri Melayu (NNM). Dalam keadaan ini mereka hanya dibenarkan untuk bekerja di Negeri-negeri Selat (NNS) sahaja kerana ia merupakan salah satu usaha untuk mengawal golongan imigran India di Tanah Melayu.<sup>4</sup> Walau bagaimanapun, perkembangan ekonomi yang berlaku di NNM terutamanya selepas 1874 menyebabkan keperluan tenaga buruh sangat mendesak. Tenaga buruh yang ramai dan murah diperlukan untuk menjalankan kerja-kerja pembinaan infrastruktur di negeri ini. Pada mulanya, pihak kerajaan tidak mengambil sebarang inisiatif untuk membawa masuk buruh-buruh untuk menampung keperluan ini. Sebaliknya kerajaan Selangor hanya bergantung pada buruh-buruh India dan Cina yang dibawa masuk oleh para pengusaha swasta atau majikan swasta. Kerajaan Selangor juga menawarkan gaji yang lebih tinggi untuk menarik buruh-buruh ladang India untuk bekerja dalam sektor ini tetapi tindakan kerajaan ini telah dikritik kuat oleh para pengusaha swasta. Oleh itu, kerajaan Selangor telah mengambil satu keputusan untuk membawa masuk buruh-buruh India bagi mengisi keperluan mereka selain bergantung kepada buruh-buruh yang berada di Selangor. Bagi tujuan tersebut, kerajaan Selangor telah menghantar seorang agen ke Negapatinam pada tahun 1886 untuk membawa buruh India. Agen tersebut telah berjaya membawa 500 orang buruh dari Negapatinam ke negeri Selangor.<sup>5</sup> Perkembangan ini disifatkan sebagai tahap terawal yang memperlihatkan kemasukan orang India secara rasmi ke Selangor.

Pada tahun 1887, satu skim subsidi kapal wap telah diperkenalkan oleh pihak British. Skim ini merupakan usaha proaktif dalam merangsang kemasukan buruh imigran ke Tanah Melayu untuk mengisi keperluan tenaga buruh. Kerajaan NNS, Perak, Selangor dan Johor telah bersetuju untuk mengambil bahagian dalam skim ini. Negeri-negeri ini telah menyumbang sebanyak \$30, 000 dalam skim ini untuk mengurangkan tambang kapal wap antara Negapatinam dan Pulau Pinang. Kerajaan Selangor telah menyumbang sebanyak \$7, 000 pada setiap tahun di bawah skim ini bagi memastikan bekalan buruh secara berterusan dapat dilaksanakan.<sup>6</sup> Sebagai balasan untuk sumbangan ini, sebuah firma perkapalan Eropah iaitu *Huttenbach, Liebert and Company* telah bersetuju untuk menjalankan perkhidmatan kapal wap selama dua minggu sekali bagi semua buruh pertanian. Tambang perkhidmatan juga telah dikurangkan dari Rs.15 kepada Rs. 8. Melalui skim ini, proses kemasukan buruh-buruh India ke Selangor dapat dijalankan secara cepat dan murah. Kehadiran buruh-buruh India ke Selangor adalah sangat penting untuk memenuhi permintaan terhadap tenaga buruh di sektor ekonomi komersial yang baru diperkenalkan oleh pihak British.<sup>7</sup> Sehingga tahun

4 Harbans Kour a/p Jagar Singh, *Sejarah Kedatangan Buruh-buruh India ke Selangor 1900-1941: Satu Perbandingan Antara Buruh Swasta Dengan Buruh Kerajaan*, Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1988/1989, hlm. 4-5.

5 Ibid., hlm. 9.

6 *Selangor Government Gazette*, 3 July 1890, hlm. 526.

7 K.S. Sandhu, *Indians in Malaya: Some Aspects of their Immigration and Settlement, 1786-1957*, Cambridge: Cambridge University Press, 1969, hlm. 61.

1930-an, kira-kira satu pertiga daripada masyarakat India di Tanah Melayu telah berada di kawasan ladang. Daripada 73 peratus jumlah tenaga buruh India keseluruhan, lebih dua pertiga daripada angka tersebut telah bertumpu di kawasan Perak dan Selangor kerana kedua-dua negeri ini mempunyai kawasan ladang yang luas menjadi hub peluang pekerjaan penting bagi masyarakat India yang berhijrah ke Tanah Melayu.<sup>8</sup>

## **Penglibatan Masyarakat India dalam Sektor Ekonomi**

Tanah Melayu amnya dan negeri Selangor khasnya telah memperlihatkan tahap perkembangan ekonomi yang sangat pesat antara tahun 1880-an hingga era Perang Dunia Kedua. Pelbagai sektor mengalami perkembangan terutamanya perlombongan dan pertanian komersial. Pembentukan satu sistem pentadbiran yang bercorak Barat turut membolehkan pelbagai peluang pekerjaan diwujudkan dalam sektor perkhidmatan awam. Ketika sebahagian sektor ini diisi oleh orang tempatan, sebahagian yang lain diisi oleh imigran yang dibawa masuk melalui pelbagai sistem kemasukan terutamanya dari India dan China. Mereka mengisi ruang pekerjaan di sektor perlombongan dan perladangan. Pengenalan sistem ladang selari dengan usaha meningkatkan pengeluaran kopi awalnya, dan getah kemudiannya menyebabkan pelbagai keperluan dilaksanakan. Sistem ladang bukan sahaja mengenai jumlah kawasan penanaman yang luas meliputi puluhan dan ratusan ekar, malah satu sistem pentadbiran yang berbeza dengan aktiviti penanaman biasa. Sistem ini memerlukan satu bentuk pelaburan yang besar jumlahnya serta penggunaan teknologi terkini dalam proses penanaman dan pengeluaran. Lebih penting lagi, penanaman getah memerlukan tenaga buruh yang besar dan berterusan. Dalam keadaan inilah buruh-buruh dari India diperlukan dan mereka dibawa masuk untuk bekerja di ladang-ladang getah yang terdapat di Selangor. Selain buruh ladang, orang India juga mengisi ruang pekerjaan sebagai buruh dalam pelbagai jabatan kerajaan terutama yang berkaitan perkhidmatan. Bagi kalangan yang mempunyai pendidikan, mereka diserap masuk ke dalam perkhidmatan awam di Selangor sama ada dalam bidang perkeranian mahupun pendidikan. Berdasarkan keadaan ini, maka adalah jelas bahawa kemasukan orang India ke Selangor dalam era sehingga Perang Dunia Kedua banyak mengisi ruang-ruang pekerjaan di sektor-sektor ini.

### **a. Buruh Ladang**

Buruh didefinisikan sebagai manusia yang menyumbang tenaga fizikal dan mental dalam proses pengeluaran barang dan perkhidmatan. Peranan mereka adalah sangat penting dalam membangunkan ekonomi sebuah negara atau negeri. Kecekapan buruh mampu meningkatkan produktiviti dari segi keupayaan untuk menghasilkan output dari set input yang diberikan.<sup>9</sup> Di negeri Selangor, penglibatan buruh dapat dilihat secara jelas selepas kemasukan buruh China

---

8 Muzafar Desmond Tate, *The Malaysian Indians: History, Problems and Future*, Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre (SIRD), 2008, hlm. 28.

9 Nur Anisa Binti Mohd Fauzi, *Perbezaan Produktiviti Di Antara Buruh Langsung Dan Buruh Tidak Langsung Terhadap Kerja-Kerja Jubin*, Laporan Ijazah Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia, Johor, Jun 2018, hlm. 32.

dan India. Perkembangan ekonomi komersial khususnya getah dan bijih timah telah menarik ramai buruh asing bekerja di Tanah Melayu. Negeri Selangor menjadi salah satu hub tarikan ekonomi yang menawarkan peluang pekerjaan kepada mereka. Dari segi konteks buruh India, ramai daripada kalangan masyarakat India telah bekerja sebagai buruh di kawasan ladang getah mahupun di jabatan kerajaan negeri Selangor.<sup>10</sup>

Majoriti daripada orang India yang datang bekerja di Selangor adalah buruh ladang. Mereka bekerja sebagai buruh di ladang kopi, kelapa, lada hitam, getah dan sebagainya. Kemasukan British ke Selangor pada tahun 1876 telah membolehkan satu penerokaan ekonomi dilakukan sama ada melalui perlombongan mahupun pembukaan ladang pertanian. Pengusaha dan pemodal Eropah yang sebelumnya menanam modal dan menjalankan usaha mereka di NNS kini memperluaskannya ke NNM termasuk di Selangor. Di negeri Selangor, antara ladang pertama di buka ialah Ladang Weld Hill di Kuala Lumpur. Ladang dengan keluasan 194 hektar ini ditanam dengan tiga jenis tanaman iaitu kopi, teh dan lada hitam. Bagi membolehkan usaha ini berjaya, Ladang Weld Hill memerlukan tenaga buruh yang mencukupi. Tanpa buruh-buruh ini, maka segala usaha penanaman, pengutipan hasil dan aktiviti yang berkaitan akan terjejas. Pada awalnya, pihak pengusaha telah cuba mengimport buruh-buruh dari Jawa tetapi kos mereka yang terlalu tinggi menyebabkan ia tidak diteruskan.<sup>11</sup> Setelah usaha ini gagal, maka satu usaha diambil untuk membawa masuk orang India ke Selangor. Usaha ini dilakukan melalui satu permohonan yang dilakukan oleh pihak British di Selangor kepada kerajaan India untuk membenarkan kemasukan buruh-buruh India ke Selangor.<sup>12</sup> Selepas kerajaan India memberikan kebenaran, maka pada tahun 1884, buruh-buruh India telah dibawa masuk ke negeri Selangor melalui Ordinan 1884.<sup>13</sup> Sejak itu, sebahagian besar kemasukan orang India ke Selangor adalah sebagai buruh ladang.

Faktor utama yang mendorong kemasukan buruh-buruh India ke Selangor adalah kerana kosnya murah jika dibandingkan dengan buruh Jawa. Selain itu, sikap mereka yang penuh taat dan patuh kepada pihak atasan, berdisiplin, mudah menyelesaikan diri dalam menjalankan pelbagai jenis kerja serta amat bersedia untuk berkhidmat walaupun dibayar dengan gaji yang rendah merupakan antara asas-asas yang menyebabkan pengusaha ladang memilih mereka sebagai buruh.<sup>14</sup> Ini bermakna, dalam sejarah perladangan di Selangor khususnya dan di Tanah Melayu amnya, tidak dapat disangsikan betapa pentingnya dalam kalangan buruh India ini. Mereka menjadi antara “*actor*” penting yang membolehkan sektor perladangan mampu menjana keuntungan yang besar kepada kalangan pengusaha serta pihak British di Tanah Melayu. Keuntungan yang dijana melalui sektor perladangan ini menyebabkan berlakunya perkembangan pesat dalam sektor ini di Selangor. Berlaku peningkatan besar dalam jumlah ladang di Selangor yang sebahagian besarnya dimiliki oleh pengusaha Eropah. Pada tahun 1893, terdapat hanya 16 buah ladang sebelum kemudiannya meningkat kepada

10 S. Arasaratnam, *Indians in Malaysia and Singapore*, London: Oxford University Press, 1970, hlm. 14.

11 R.N. Jackson, *Immigrant Labour and the Development of Malaya 1786-1920: A Historical Monograph*, Kuala Lumpur: Government Press, 1961, hlm 93.

12 Roslina Yunus, Azlizan Mat Enh, Zubaidah VP Hamzah, Mohamad Rodzi Razak, “Pengaruh Ekonomi British di Tanah Melayu: Penglibatan Imigran India Dalam Sektor Buruh di Malaya (1900-1957)”, hlm. 656.

13 SUK.SEL. 1783/84, Transmits Copy of a Draft Memorandum of The Principal Alterations in The Law Regulating Indian Immigration, 14.11.1884.

14 Janakey Raman Manickam, *The Malaysian Indian Dilemma: The Struggles and Agony of the Indian Community in Malaysia*, Selangor: Nationwide Human Development and Research Centre, 2012, hlm. 42.

72 buah pada tahun 1896.<sup>15</sup> Pada tahun 1935, jumlah ladang di Selangor ialah 169 dan pada tahun 1938, terdapat sebanyak 182 buah ladang di Selangor dan hampir kesemua ladang ini menggunakan buruh-buruh India dalam operasinya. Jadual 1 menunjukkan jumlah bilangan ladang di Selangor serta jumlah buruh India di ladang tersebut.

**Jadual 1:** Jumlah Bilangan Buruh India Bekerja di Kawasan Ladang, Selangor

Tahun	Bilangan Kawasan Ladang	Jumlah Buruh
1931	174	37,354
1932	151	28,063
1935	169	38,740
1936	173	42,038
1937	195	55,635
1938	182	47,930

Sumber: Annual Report of The Labour Department, 1931-1938

#### **b. Buruh Sektor Kerajaan**

Selain sektor perladangan, orang-orang India turut menjadi buruh dalam perkhidmatan kerajaan terutamanya dengan jabatan-jabatan kerajaan seperti Jabatan Kebersihan (*Sanitary Board*), Kereta Api dan Kerja Raya. Sebagaimana buruh-buruh ladang, buruh-buruh dalam perkhidmatan kerajaan turut dibawa masuk dengan menggunakan sistem kontrak. Walau bagaimanapun, keadaan mereka agak berbeza dengan keadaan buruh-buruh ladang yang terikat dengan sistem ladang yang ditetapkan dan hidup di kawasan perumahan yang disediakan oleh pihak ladang. Bagi buruh ini, mereka akan tinggal di kuarters yang disediakan oleh pihak kerajaan. Pelibatan orang India dalam Jabatan Keretapi agak ketara. Dalam jabatan ini, selain terlibat di dalam kerja-kerja membina landasan, kerja-kerja penyelenggaraan dan teknikal turut diisi sebahagiannya oleh orang India. Menjelang tahun 1900, terdapat kira-kira 325 orang buruh kontrak di Selangor telah bekerja di Jabatan Kereta Api.<sup>16</sup> Perkara ini menjadi titik tolak penting kepada peningkatan kemasukan buruh India dalam sektor kerajaan negeri Selangor. Selain Jabatan Kereta Api, kalangan orang India turut mengisi pekerjaan dengan Jabatan Kerja Raya. Mereka terlibat dalam kerja-kerja membina jalan raya di Selangor. Jalan kereta api dan jalan raya merupakan infrastruktur penting yang menjadi keutamaan pentadbiran British di Selangor. Untuk “membuka” Selangor kepada eksploitasi ekonomi secara menyeluruh, maka satu jaringan sistem perhubungan dan pengangkutan perlu dilakukan. Ketiadaan jalan darat yang baik sebelum kedatangan British ke Selangor sedikit sebanyak menyukarkan usaha ini. Ini kerana masyarakat tempatan lebih banyak bergantung kepada jalan

15 Harbans Kour a/p Jagar Singh, Sejarah Kedatangan Buruh-buruh India ke Selangor 1900-1941: Satu Perbandingan Antara Buruh Swasta Dengan Buruh Kerajaan, hlm. 6.

16 SUK SEL. 2580/1901, Report on Indian Immigration Department for 1900, 25.04.1901.

air sebelumnya. Oleh yang demikian, dalam memastikan hal ini berlaku, maka buruh-buruh yang murah diperlukan. Buruh-buruh India menepati kriteria tersebut sebagaimana yang dibuktikan dengan kalangan buruh ladang. Perkembangan pesat bandar-bandar di Selangor menyebabkan satu sistem pentadbiran bandar diwujudkan seperti *Sanitary Board Kuala Lumpur* yang ditubuhkan pada tahun 1890 dan menjadi ikutan kepada bandar-bandar lain kemudiannya. Badan ini sebenarnya bertanggungjawab menguruskan bandar dan pelbagai aspek yang berkaitan dengan perkembangan di bandar di kendalikan oleh badan ini termasuk dalam hal-hal berkaitan dengan kesihatan. Buruh-buruh diambil untuk melaksanakan pelbagai tugas sama ada dalam mengutip dan menguruskan sampah, pembentungan dan sebagainya. Pada tahap awal, buruh-buruh Cina digunakan, namun kemudiannya, buruh-buruh India diambil di dalam menjalankan tugas ini.<sup>17</sup> Adalah jelas, sumbangan buruh-buruh India ini sangat penting dalam pelbagai tugas termasuk membina sistem saluran air yang lengkap dan sistematik serta menjaga kebersihan kawasan daerah.<sup>18</sup>

**Jadual 2:** Jumlah Bilangan Buruh India dalam Jabatan Kerajaan  
Jabatan Kerja Awam di Selangor

Tahun	Jabatan Kerja Awam	Jabatan Kebersihan	Jabatan Kereta Api Negeri-Negeri Melayu Bersekutu
1930	2,725	15	68
1931	2,415	15	98
1932	1,882	49	115
1934	2,118	17	221
1935	2,201	17	209
1936	2,455	20	193
1937	2,496	22	154
1938	2,616	2,533	178

Sumber: Annual Report of The Labour Department, 1931-1938.

### c. Kakitangan Kerajaan

Majoriti daripada orang India yang dibawa masuk ke Selangor adalah sebagai buruh untuk bekerja di ladang mahupun sektor awam. Walau bagaimanapun, terdapat juga sekumpulan kecil daripada mereka datang ke Selangor untuk bekerja dalam pelbagai jawatan di peringkat bawah dalam kerajaan. Pengambilan orang India dalam tugas-tugas seperti teknikal dan perkeranian dan seumpamanya mempunyai kaitan dengan pendidikan yang diterima mereka.

17 Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus, *'Sanitary Board' Kuala Lumpur: Peranan dan Pentadbiran, 1890-1914*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 2001.

18 K.S. Sandhu, *Indians in Malaya: Some Aspects of their Immigration and Settlement, 1786-1957*, hlm 545.

JENIS PEKERJAAN DAN KADAR UPAH DALAM KALANGAN ORANG INDIA DI SELANGOR  
SEBELUM PERANG DUNIA KEDUA: SATU PENELITIAN AWAL

Selain kebolehan berbahasa Inggeris yang memudahkan urusan tugas, sebahagian mereka juga mempunyai kelulusan daripada pelbagai kolej teknikal sama ada di India mahupun Sri Lanka.<sup>19</sup> Selain kerja-kerja di peringkat bawah, terdapat juga orang India yang menjawat kedudukan yang lebih baik seperti Inspektor Kesihatan, Guru dan sebagainya. Pengambilan mereka pula berdasarkan pengalaman dan kelulusan mereka. Misalnya, seorang India bernama Naidoo telah dilantik sebagai Inspektor Kesihatan dalam Jabatan Kesihatan *Sanitary Board* Kuala Lumpur. Beliau mempunyai pengalaman dan lulusan dari Kolej Perubatan Bombay dan mula bekerja pada 8 Mac 1896.<sup>20</sup> Walau bagaimanapun, hanya sebilangan kecil yang mampu menjawat kedudukan agak tinggi dalam perkhidmatan kerajaan di Selangor serta di Tanah Melayu meskipun selepas penubuhan Perkhidmatan Awam Malaya (MCS) yang memberi kelebihan kepada orang tempatan. Bagi orang India pula, sama ada mereka mempunyai kelayakan yang diperlukan atau tidak mereka masih tidak termasuk di dalam senarai MCS. Walaupun mereka mempunyai kelayakan pendidikan dari universiti terbaik di England atau lulus peperiksaan kemasukan dengan cemerlang, mengikut undang-undang British mereka hanya boleh diterima untuk diambil dalam Perkhidmatan Dalam Negeri British dan Perkhidmatan Awam India (ICS) tetapi mereka tidak layak untuk masuk ke MCS yang diwujudkan untuk pentadbiran Tanah Melayu. Perubahan-perubahan berlaku kemudiannya apabila mereka turut terserap ke dalam sistem pentadbiran kerajaan di Tanah Melayu.

**Jadual 3:** Bilangan Pegawai Bawahan yang Bekerja di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dalam Perkhidmatan Awam Mengikut Jenis Pekerjaan 1938

Jenis Pekerjaan Awam	India	Cina	Melayu	Jumlah
Kerani dalam Perkhidmatan Am dan Negeri	613	465	336	1414
Pengawas Jabatan Kerja Raya dan Sub Pengawas	178	3	55	236
Guru-guru di Sekolah Inggeris Kerajaan	127	64	24	215
Pembantu Teknikal	482	73	329	884
Jabatan Kereta Api	1412	302	485	2199
Jabatan Pos dan Telegraf	492	175	408	1075
Pembantu Hospital	267	87	105	459
Total	3571	1169	1742	6482

Sumber: Mavis Puthuachery, *“Indians in the Public Sector in Malaysia”* dlm. K.S. Sindhu & A. Mani (pnyt.) *Indian Communities in Southeast Asia*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1993, hlm. 338

19 Mavis Puthuachery, *“Indians in the Public Sector in Malaysia”* dlm. K.S. Sindhu & A. Mani (pnyt.), *Indian Communities in Southeast Asia*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1993, hlm 336.

20 Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus, *‘Sanitary Board’ Kuala Lumpur: Peranan dan Pentadbiran, 1890-1914*, hlm. 88.

**Jadual 4:** Jumlah Bilangan Pegawai Kerajaan Bawah India di Selangor

Tahun	Jumlah
1929	6192
1930	5474
1931	3971
1932	2563
1933	2280
1934	2564

Sumber: Annual Report of The Public Department of Selangor, 1930-1934

### Kadar Upah

Upah merupakan satu bentuk penghargaan atau unsur pembalas jasa kepada seseorang yang melaksanakan tanggungjawab atau kerja yang diberikan secara teratur. Upah ini juga dikenali sebagai satu bentuk kompensasi yang boleh ditingkatkan atas prestasi kerja seseorang pekerja yang diberikan oleh pihak majikan.<sup>21</sup> Motif utama bagi buruh-buruh India yang sanggup berhijrah dari India ke Tanah Melayu adalah mencari pekerjaan serta memperoleh upah yang lebih baik daripada yang mereka terima di India. Perkara upah ini turut diberikan fokus oleh golongan Kangani semasa memberikan keterangan kepada golongan India di sana untuk mendapatkan lebih ramai orang India sebagai buruh estet dan lain-lain.<sup>22</sup> Oleh itu, upah dikenal pasti sebagai unsur yang penting kepada buruh-buruh India untuk datang bekerja di Tanah Melayu amnya dan di Selangor khususnya. Dalam membincangkan kadar upah ini, penumpuan akan diberikan kepada tiga sektor iaitu buruh ladang, buruh kerajaan dan kakitangan kerajaan.

#### a. Buruh Ladang

Ramai buruh India di Selangor bekerja di kawasan estet getah. Hal ini kerana, keperluan buruh serta permintaan tinggi susu getah di pasaran dunia telah meningkatkan pembukaan ladang baru dan kemasukan buruh India ke kawasan estet getah.<sup>23</sup> Di kawasan ladang getah, kebanyakan orang India telah bekerja sebagai penoreh getah, buruh stor dan kilang serta buruh lapangan getah. Upah kepada buruh-buruh India akan berbeza berdasarkan faktor jantina dan sektor ekonomi komersial.<sup>24</sup>

21 Nailah Hamzah, Noorasiah Sulaiman dan Abu Hassan Shaari Md Noor, "Upah dan Produktiviti Buruh: Satu Analisis dalam Sektor Pembuatan" dlm. *PerkemVI*, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2011, hlm. 320.

22 Harbans Kour a/p Jagar Singh, *Sejarah Kedatangan Buruh-buruh India ke Selangor 1900-1941: Satu Perbandingan Antara Buruh Swasta Dengan Buruh Kerajaan*, hlm. 40.

23 Noor Syazwani Binti Ishak, *Samsu di Selangor: Kajian Terhadap Pembuatan, Pengambilan dan Kawalan, 1900-1941*, Tesis Ijazah Sarjana Sastera, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2018, hlm. 35.

24 *Annual Report of The Labour Department*, 1931, hlm. 46.

JENIS PEKERJAAN DAN KADAR UPAH DALAM KALANGAN ORANG INDIA DI SELANGOR  
SEBELUM PERANG DUNIA KEDUA: SATU PENELITIAN AWAL

**Jadual 5:** Jumlah Upah bagi Penoreh Getah di Selangor

Tahun	Jantina	Jumlah Gaji(sen)
1926	Lelaki	40-50 sen
	Wanita	35-50 sen
1927	Lelaki	45-52 sen
	Wanita	40-50 sen
1928	Lelaki	45-52 sen
	Wanita	40-50 sen
1929	Lelaki	50-80 sen
	Wanita	40-60 sen
1931	Lelaki	30-40 sen
	Wanita	27-40 sen
1932	Lelaki	26-40 sen
	Wanita	24-32 sen
1935	Lelaki	35-45 sen
	Wanita	28-40 sen
1936	Lelaki	40-50 sen
	Wanita	32-40 sen

Sumber: Malayan Statistics, 1929 dan Annual Report of The Labour Department, 1931-1936

**Jadual 6:** Jumlah Upah bagi Buruh Kerja Lapangan Getah di Selangor.

Tahun	Jantina	Jumlah Gaji(sen)
1926	Lelaki	40-50 sen
	Wanita	35-50 sen
1927	Lelaki	45-52 sen
	Wanita	40-50 sen
1928	Lelaki	40-45 sen
	Wanita	30-40 sen
1929	Lelaki	50-55 sen
	Wanita	40-45 sen
1931	Lelaki	30-35 sen
	Wanita	25-30 sen
1932	Lelaki	25-40 sen
	Wanita	22-32 sen

Tahun	Jantina	Jumlah Gaji(sen)
1935	Lelaki	35-45 sen
	Wanita	28-35 sen
1936	Lelaki	40-50 sen
	Wanita	32-40 sen

Sumber: Malayan Statistics, 1929 dan Annual Report of The Labour Department, 1931-1936

**Jadual 7:** Jumlah Upah bagi Buruh Stor dan Kilang Di Selangor

Tahun	Jantina	Jumlah Gaji(sen)
1926	-	50-60 sen
1927	-	50-60 sen
1928	-	50-60 sen
1929	-	50-75 sen
1931	-	35-50 sen
1932	-	35-50 sen
1935	Lelaki	40-50 sen
	Wanita	32-40 sen
1936	Lelaki	40-50 sen
	Wanita	32-40 sen

Sumber: Malayan Statistics, 1929 dan Annual Report of The Labour Department, 1931-1936

Pihak majikan akan membayar upah kepada golongan buruh secara harian. Kadangkala, jumlah gaji akan berbeza dalam satu tempoh tertentu. Hal ini kerana, jumlah upah akan ditentukan berdasarkan harga pasaran. Apabila, harga getah meningkat di pasaran dunia maka jumlah upah kepada buruh turut meningkat secara langsung. Kejatuhan harga getah dalam pasaran secara serius akan menyebabkan pihak majikan mengalami masalah kesempitan kewangan. Mereka yang mempunyai bilangan buruh yang ramai akan berusaha untuk mengekalkan kadar upah yang munasabah. Sekiranya, keadaan semakin serius dan tidak terkawal maka pihak majikan terpaksa mengurangkan tenaga buruh kepada bilangan yang sangat rendah atau mengurangkan kadar upah yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, kebanyakan buruh yang memahami situasi ini akan bertindak balas dengan baik dan terus menerima kadar upah yang rendah sehingga keadaan bertambah baik. Oleh itu, harga pasaran bagi sebuah kegiatan ekonomi komersial termasuk getah adalah sangat penting dalam menentukan semua aspek ini terutamanya kadar upah.<sup>25</sup> Pada tahun 1927, semua buruh tanpa mengambil kira jantina telah dibayar upah yang

25 *Annual Report of The Labour Department, 1933*, hlm, 14.

tidak kurang daripada kadar upah yang ditetapkan. Secara puratanya, semua buruh penoreh getah telah menerima gaji sebanyak 45 sen sehari manakala buruh stor dan kilang telah dibayar sebanyak 50 sen sehari. Dalam kebanyakan kes lain, upah yang jauh melebihi daripada kadar upah yang ditetapkan telah diberikan kepada golongan buruh yang bekerja di kawasan ladang. Bukan itu sahaja, buruh-buruh juga diberikan peluang untuk menambahkan upah mereka dengan melakukan kerja-kerja lebih masa. Mereka akan dibayar sebanyak 10 sen bagi setiap sejam. Dari tahun 1926 hingga tahun 1929, pembayaran upah kepada semua buruh dalam sektor getah adalah lebih konsisten berbanding awal tahun 1930-an.<sup>26</sup>

Zaman Kemelesetan<sup>27</sup> telah memberi impak yang buruk kepada negara-negara perindustrian dan pengeksport bahan mentah termasuk Tanah Melayu. Sebagai negeri terbesar dalam penghasilan getah, keadaan di Selangor turut menerima kesan besar. Dalam situasi ini, perdagangan antarabangsa telah bertambah rumit serta pendapatan persendirian, harga barang dan hasil cukai juga mula merosot secara mendadak. Hal ini telah menyebabkan harga getah jatuh secara drastik, sesuatu yang tidak pernah berlaku sebelumnya.<sup>28</sup> Pada bulan Julai 1930, harga getah telah berkurang kepada 5.13d per lb. Angka ini tidak mengalami sebarang perubahan positif di mana ia terus berkurang lagi kepada 3.88d per lb pada bulan Disember 1930. Pada tahun 1931, harga getah terus jatuh dan mencatatkan harga putara yang sangat rendah iaitu sebanyak 3.13 per lb. Kejatuhan harga getah ini telah memaksa pihak majikan untuk mengurangkan kadar pembayaran upah yang ditetapkan untuk golongan buruh. Buruh-buruh India yang bekerja di kawasan ladang getah pada tahun 1931 terpaksa menerima upah yang rendah berbanding tahun sebelumnya.

Pada tahun 1932, keadaan ini bertambah buruk apabila harga purata getah di pasaran dunia telah jatuh lagi kepada 2.41d per lb. Hal ini telah menyebabkan pihak majikan tidak mampu membuat pembayaran upah sebaliknya terpaksa menutup beberapa kawasan ladang getah dan mengurangkan lagi kadar pembayaran upah kepada golongan buruh di ladang getah.<sup>29</sup> Kerajaan British menyedari bahawa situasi ini harus diperbaiki demi menstabilkan harga getah. Pada 1 Jun 1934, satu sekatan pengeluaran getah yang wajib iaitu Perjanjian Sekatan Getah Antarabangsa atau *International Rubber Regulation* telah diperkenalkan sebagai satu usaha proaktif dalam mengawal pengeluaran getah. Sekatan ini meliputi negara-negara yang menyumbang hampir 99% kepada pengeluaran getah terutamanya Brunei, Sarawak, Borneo Utara dan India. Setelah sekatan ini dilaksanakan, harga getah mula bertambah baik dan memberikan indikasi yang positif kepada kawalan pengeluaran getah dan turut memberikan sumbangan penting untuk menstabilkan harga getah di pasaran dunia.<sup>30</sup> Jadi, perkara ini memberikan nafas baru yang sedikit sebanyak membolehkan pemulihan dilakukan dan bagi pihak majikan untuk meningkatkan upah bagi tahun 1935. Kemudian, pada tahun 1936, kuota

---

26 *Malaya: Malayan Statistics*, 1929, hlm 167.

27 Zaman kemelesetan atau *The Great Depression* yang dikenali sebagai satu tempoh yang membawa kemerosotan ekonomi di seluruh dunia pada sekitar tahun 1930-an. Tempoh kemelesetan ini masih diingati oleh seluruh warga dunia dan menjadi peristiwa penting dalam sejarah ekonomi dunia. Zaman kemelesetan ini telah berpunca daripada kejatuhan pasaran saham di Amerika Syarikat pada 29 Oktober 1929. Peristiwa ini dikenali sebagai *Wall Street Crash*.

28 Nadaraja Kannan, *Kemelesetan Ekonomi Dunia, 1929- 1933: Kesan sosioekonomi di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu*, Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Mei 2002, hlm. 91.

29 *Annual Report of The Labour Department*, 1933, hlm, 13.

30 Nadaraja Kannan, *Kemelesetan Ekonomi Dunia, 1929- 1933: Kesan sosioekonomi di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu*, hlm. 97.

eksport getah yang diluluskan di bawah skim Sekatan adalah sebanyak 60%. Seperti mana yang dijanjikan oleh pihak majikan apabila harga getah mencecah 7*d* per paun maka upah buruh akan ditambahkan. Perkara ini akhirnya tercapai dan pihak majikan menambahkan kadar upah secara puratanya 40 sen bagi buruh lelaki manakala 35 sen kepada buruh wanita.<sup>31</sup>

## b. Buruh Sektor Kerajaan

Buruh-Buruh India yang bekerja di bawah jabatan kerajaan akan dibayar oleh pihak kerajaan secara harian. Kadar upah mereka adalah 50 sen bagi buruh India lelaki manakala 40 sen bagi buruh wanita.<sup>32</sup> Bagi buruh-buruh kerajaan yang bekerja dalam sektor pembangunan dan penyelenggaraan kerajaan dibayar upah yang berbeza iaitu 45 sen hingga 60 sen kepada buruh lelaki manakala 30 sen hingga 35 sen kepada buruh wanita.<sup>33</sup> Menjelang Perang Dunia Kedua, pihak kerajaan turut membayar buruh-buruh dengan upah bersama elaun kos hidupan. Elaun ini akan dibayar berdasarkan kadar upah mereka. Mereka yang menerima kurang daripada \$1.00 sebagai upah harian akan menerima \$1.20 elaun bulanan manakala mereka yang memperoleh upah harian sebanyak \$1.00 ke atas dan kurang daripada \$2.00 akan mendapat elaun bulanan sebanyak \$1.80. Selain itu, buruh-buruh yang mendapat upah harian sebanyak \$2.00 ke atas akan menerima \$2.40 sebagai elaun bulanan.<sup>34</sup> Secara umum, gaji yang diterima oleh kalangan buruh-buruh ini lebih stabil jika dibandingkan dengan kadar upah yang diterima oleh buruh di sektor perladangan yang sangat dipengaruhi oleh kadar harga getah di pasaran. Ini tidak pula bermakna bahawa mereka tidak terkesan dengan perkembangan ekonomi yang berlaku termasuk ketika zaman kemelesetan. Namun begitu, hingga kini, masih tiada kajian lengkap mengenai aspek ini iaitu kesan kemelesetan ekonomi antara tahun 1929 hingga 1933 kepada kakitangan kerajaan. Jika dibandingkan dengan keadaan yang dilalui oleh buruh-buruh di di ladang yang bukan sahaja dipotong kadar upah mereka malah ada yang terpaksa dibuang kerja, kesan kemelesetan ekonomi ini kepada kakitangan kerajaan masih lagi kabur.

## c. Kakitangan Kerajaan

**Jadual 8:** Bilangan Pegawai Kerajaan Bawahan yang Menerima Gaji Bulanan M\$ 250 dan Ke Atas di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu bagi tahun 1931

Jenis Pekerjaan Awam	Jumlah	India dan lain-lain	Melayu	Cina	Kadar Peratusan Pegawai India
Perubatan	66	53	5	8	80.3
Kereta Api	15	14	-	1	93.3
Badan Kebersihan	13	8	1	4	61.5

31 *Annual Report of The Labour Department, 1935, hlm. 29.*

32 *Annual Report of Selangor Settlement Department, 1939, hlm. 47.*

33 *Annual Report of The Public Work Department of Selangor, 1931, hlm. 36.*

34 *Annual Report of Selangor Settlement Department, 1939, hlm. 48.*

JENIS PEKERJAAN DAN KADAR UPAH DALAM KALANGAN ORANG INDIA DI SELANGOR  
SEBELUM PERANG DUNIA KEDUA: SATU PENELITIAN AWAL

Jenis Pekerjaan Awam	Jumlah	India dan lain-lain	Melayu	Cina	Kadar Peratusan Pegawai India
Post dan Telegraf	10	7	-	3	70.0
Pelajaran	8	6	2	-	75
Pertanian	8	-	5	3	0
Lain-lain	63	50	9	4	79.4
Total	183	138	22	23	75.4

Sumber: Mavis Puthuchery, *“Indians in the Public Sector in Malaysia”* dlm. K.S. Sindhu & A. Mani (pnyt.) *Indian Communities in Southeast Asia*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1993, hlm. 340

Pembayaran gaji kepada Pegawai kerajaan telah dijalankan secara bulanan. Semua kakitangan kerajaan yang direkrut akan menerima gaji bulanan sebanyak \$250. Jadual 8 jelas menunjukkan bahawa masyarakat India turut mendominasi kedudukan sebagai pegawai kerajaan bawahan dalam beberapa bidang pekerjaan awam. Perkembangan ini mempunyai kaitan dengan latar belakang pendidikan Inggeris yang mereka terima. Bagi orang India yang tinggal di kawasan bandar, mereka berpeluang untuk menghantar anak mereka ke sekolah Inggeris dan ini membolehkan mereka kemudiannya memasuki kolej yang menawarkan pelajaran pengajian tinggi. Antaranya ialah *Raffles College* and *King Edward VII College of Medicine* di Singapura yang mempunyai ramai pelajar India khususnya dalam bidang perubatan. Oleh itu, tidak hairanlah jika bidang perubatan menunjukkan jumlah peratusan orang India yang cukup tinggi.

## Kesimpulan

Perbincangan dalam artikel ini menunjukkan bahawa masyarakat India telah memberikan sumbangan yang cukup penting kepada pembangunan di negeri Selangor sebelum era kemerdekaan. Kehadiran mereka ke Selangor mempunyai kaitan langsung dengan perkembangan ekonomi yang berlaku di Selangor. Keperluan untuk mendapatkan buruh yang murah bagi mengisi bidang pekerjaan di pelbagai sektor ekonomi merupakan tarikan terpenting yang membolehkan mereka masuk ke Selangor sejak sekurang-kurangnya tahun 1880-an. Perkembangan dalam sektor perladangan membolehkan mereka mengisi pekerjaan sebagai buruh ladang di Selangor. Namun begitu, buruh ladang bukanlah satu-satunya jenis pekerjaan yang dilakukan oleh orang India. Sebahagian mereka terserap di dalam bidang lain termasuk sebagai buruh di jabatan-jabatan kerajaan dan serta sebagai kakitangan di pelbagai jabatan. Ini bermakna, pandangan yang menyatakan bahawa tumpuan orang India hanya menjadi buruh ladang agak kurang tepat. Selain itu, satu aspek lain yang turut diberikan tumpuan dalam artikel ini adalah mengenai kadar upah yang diterima oleh orang India dalam pelbagai sektor pekerjaan. Dalam sektor perladangan, adalah jelas kadar upah yang diterima sangat bergantung kepada keadaan ekonomi hasil getah di pasaran dunia. Selain itu, terdapat perbezaan jelas antara lelaki dan wanita dan hal ini berterusan sehingga menjelang kemerdekaan. Bagi kalangan buruh di jabatan kerajaan pula, mereka menerima gaji secara tetap dan keadaan yang sama pada kakitangan kerajaan. Secara keseluruhannya, artikel ini

menunjukkan betapa orang India merupakan sebahagian daripada kisah dan perjalanan sejarah ekonomi negeri Selangor. Sumbangan dan peranan mereka dalam pelbagai lapangan wajar dicatat dalam sejarah.

## **Bibliografi**

### **Sumber Primer**

#### **Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

SUK SEL. 2580/1901, Report on Indian Immigration Department for 1900, 25.04.1901.

SUK.SEL. 1783/84, Transmits Copy of a Draft Memorandum of The Principal Alterations in The Law Regulating Indian Immigration, 14.11.1884.

### **Dokumen Kerajaan yang Diterbitkan**

*Annual Report of The Labour Department*, 1931.

*Annual Report of The Labour Department*, 1932.

*Annual Report of The Labour Department*, 1935.

*Annual Report of The Labour Department*, 1936.

*Annual Report of The Labour Department*, 1937.

*Annual Report of The Labour Department*, 1938.

*Annual Report of The Labour Department*, 1938.

*Annual Report of The Public Work Department of Selangor*, 1931.

*Annual Report of The Public Work Department of Selangor*, 1932.

*Annual Report of The Public Work Department of Selangor*, 1933.

*Annual Report of The Public Work Department of Selangor*, 1934.

*Annual Report of Selangor Settlement Department*, 1939.

*Malaya: Malayan Statistics*, 1929.

*Selangor Government Gazette*, 3 July 1890.

### **Sumber Kedua**

#### **Buku**

Jackson, R.N, *Immigrant Labour and the Development of Malaya 1786-1920: A Historical Monograph*, Kuala Lumpur: Government Press, 1961.

Jersey, Joginder Singh, *History of Malaya: 1400-1959*, Penang: United Publishers & Peninsular Publications, 1974.

Manickam, Janakey Raman, *The Malaysian Indian Dilemma: The Struggles and Agony of the Indian Community in Malaysia*, Selangor: Nationwide Human Development and Research Centre, 2012.

- Sandhu, K.S, *Indians in Malaya: Some Aspects of their Immigration and Settlement, 1786-1957*, Cambridge: Cambridge University Press, 1969.
- Sinnaph, Arasaratnam, *Indians in Malaysia and Singapore*, London: Oxford University Press, 1970.
- Tate, Muzafar Desmond, *The Malaysian Indians: History, Problems and Future*, Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre (SIRD), 2008.

### **Bab Dalam Buku**

- Oorjitham, K.S. Susan, “*Urban Working – Class Indians in Malaysia*” dlm. *Indian Communities in Southeast Asia*, K.S. Sindhu & A. Mani (pnyt.): Singapore, Institute of Southeast Asian Studies, 1993.
- Puthuchear, Mavis, “*Indians in the Public Sector in Malaysia*” dlm. *Indian Communities in Southeast Asia*, K.S. Sindhu & A. Mani (pnyt.): Singapore, Institute of Southeast Asian Studies, 1993.

### **Latihan Ilmiah**

- Jagar Singh, Harbans Kour a/p, *Sejarah Kedatangan Buruh-buruh India ke Selangor 1900-1941: Satu Perbandingan Antara Buruh Swasta Dengan Buruh Kerajaan*, Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1988/1989.
- Kannan, Nadaraja, *Kemelesetan Ekonomi Dunia, 1929- 1933: Kesan sosioekonomi di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu*, Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Mei 2002.
- Noor Syazwani Binti Ishak, *Samsu di Selangor: Kajian Terhadap Pembuatan, Pengambilan dan Kawalan, 1900-1941*, Tesis Ijazah Sarjana Sastera, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2018.
- Nur Anisa Binti Mohd Fauzi, *Perbezaan Produktiviti Di Antara Buruh Langsung Dan Buruh Tidak Langsung Terhadap Kerja-Kerja Jubin*, Laporan Ijazah Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia, Johor, June 2018.

### **Kertas Kerja/Prosiding**

- Nailah Hamzah, Noorasiah Sulaiman dan Abu Hassan Shaari Md Noor, “*Upah dan Produktiviti Buruh: Satu Analisis dalam Sektor Pembuatan*” dlm. *PerkemVI*, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2011.
- Roslina Yunus, Azlizan Mat Enh, Zubaidah VP Hamzah, Mohamad Rodzi Razak, “*Pengaruh Ekonomi British di Tanah Melayu: Penglibatan Imigran India Dalam Sektor Buruh di Malaya (1900-1957)*” dlm. *Proceedings The 6th International Conference on Social Sciences and Humanities*, Dewan Perdana Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 4-6 April 2017.